

TARIKH	26 / 7 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	63	RUANGAN	EKONOMI

Tabung Haji beli hartanah RM775 juta

» Pembelian aset pertama di London

Mahanum Abdul Aziz

Sebuah bangunan pejabat premium di 10 Queen Street Place, London dikenal pasti sebagai antara hartanah pertama yang akan dibeli Lembaga Tabung Haji di pusat bandar raya berkenaan.

Difahamkan bangunan itu akan dibeli daripada pemiliknya Jaguar Capital pada harga £155 juta (RM775 juta).

Sumber berkata, untuk tujuan itu, Tabung Haji akan bekerjasama dengan bank berlandaskan syariah, Gatehouse Bank dan penyedia perkhidmatan hartanah global, Savills plc untuk memuktamadkan pembelian bangunan pejabat yang mempunyai keluasan keseluruhan 221,198 kaki persegi itu.

Bangunan berkenaan kini menjadi ibu pejabat firma guaman terkemuka, SJ Berwin.

Menurut laporan firma kaji selidik hartanah, CoStar Group, bangunan itu dipajak kepada SJ Berwin untuk jangka masa panjang iaitu ia akan tamat pada Disember 2025.

CoStar berkata Jaguar Ca-

pital, pengurus dana dari Ireland membeli bangunan itu yang sebelum ini dikenali sebagai Thames Exchange, daripada Norwich Property Trust Ltd pada harga £146.25 juta pada 2008.

berkata, pihaknya dijangka memuktamadkan rundingan bagi pembelian hartanah pertamanya di London itu menjelang September ini.

Bagaimanapun, beliau tidak menamakan hartanah yang akan dibeli itu.

Ismee berkata pihaknya bercadang membeli bangunan komersial tetapi bukan hotel atau perumahan yang menawarkan pulangan sewaan munasabah dalam jangka panjang.

"Hartanah di UK sememangnya sudah lama berada dalam perhatian kami," katanya.

INFO

- Lembaga Tabung Haji kini memiliki lebih tujuh juta pendeposit
- Nilai dana diuruskan RM35 bilion

Rundingan dimuktamad

September ini

Baru-baru ini, Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif Tabung Haji, Datuk Ismee Ismail



Bangunan pejabat pertama yang dibeli **Tabung Haji** di London.